



m15 21
H. metro
29/12/2016

ZAHID bersama Awang Tengah (tiga dari kiri) dan Suhaimi (kanan) merasmikan Sambutan Hari Anti Dadah Kebangsaan 2016 di Taman Awam Lawas, semalam.

Usia 7 tahun dah menagih

■ Keseluruhan angka penagih cecah 280,000

Oleh Mohd Razlan Salleh
mrazlan@hmetro.com.my
Lawas

Seramai 26,660 penagih baru di seluruh negara termasuk paling muda berusia seawal tujuh tahun dikesan tahun lalu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, keselu-

han angka penagih direkodkan mencecah lebih 280,000.

"Pada 2014, penagih termuda dicatatkan berusia 14 tahun manakala agak mengejutkan tahun lalu apabila murid seawal usia tujuh tahun didapati sudah menagih dadah.

"Kajian juga mendapati 73 peratus penagih dikesan berusia antara 18 hingga 39 tahun," katanya ketika merasmikan Sambutan Hari Anti Dadah Kebangsaan 2016 di Taman Awam Lawas, semalam.

Hadir sama Menteri Pe-

rancangan Sumber dan Alam Sekitar negeri Datuk Amar Awang Tengah Ali Hassan yang mewakili Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem dan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Datuk Suhaimi Abdullah.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, pihaknya meminta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya me-

ngambil perhatian segera mengenai perkara ini kerana ia membabitkan penagih dadah berusia masih muda termasuk di bangku sekolah.

"Pengedar dikesan memberi gula-gula mengandungi dadah kepada murid bertujuan mewujudkan ketagihan. Ini bermakna, mereka (pengedar)

cuba mewujudkan situasi 'edar dulu, permintaan kemudian' yang mewujudkan

penagih baru.

"Saya akan pastikan KPM memasukkan perkara ini dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) mereka pada tahun ini," katanya.

Pada masa sama, Ahmad Zahid akan menyegerakan pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lawas yang diumumkan pada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) lalu.

Selain itu, Ahmad Zahid turut mengarahkan Kementerian berkaitan mempercepat pembinaan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di daerah ini.

FAKTA
73 peratus penagih dikesan berusia antara 18 hingga 39 tahun